

ANAK WAJIB BERBAKTI KEPADA IBUNYA

Oleh: Nurul Farhana binti Sakri, 1171133,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Pengorbanan seorang ibu tidak dapat diukur dan dibandingkan dengan apa jua sekalipun kerana dia sanggup mempertaruhkan nyawanya antara hidup dan mati demi melahirkan kita ke dunia.

Ibu merupakan insan yang teragung bagi seseorang manusia untuk ditaati dan dihormati sepanjang masa.

Kita yakin dan percaya bahawa syurga terletak di bawah telapak kaki ibu. Selain itu, darjat ibu tiga kali ganda lebih tinggi berbanding bapa dalam hal penghormatan anak kepada orang tuanya.

Agama Islam amat menitikberatkan kewajipan seorang anak terhadap ibu yang telah menjaga kita tanpa mengenal erti penat dan lelah.

Balasan yang setimpal dan dosa besar menanti sesiapa yang menderhakai ibu mereka kerana kita sebagai anak tidak berhak menyakiti hati mereka.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israel (dengan berfirman), janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat. Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan

sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.” (Surah al-Baqarah, ayat 83)

Kita seharusnya mengambil teladan dari kisah seorang pemuda bernama Uwais Al-Qarni yang berpenyakit sopak dan mempunyai tubuh berbelang-belang tinggal bersama ibunya yang tua dan lumpuh di Yaman.

Uwais ialah seorang yang cacat, namun beliau merupakan seorang pemuda yang soleh dan sangat berbakti terhadap ibunya.

Uwais berjaya menunaikan permintaan ibunya untuk mengerjakan haji walaupun beliau seorang yang miskin dan tidak mempunyai kenderaan.

Perjalanan dari Madinah ke Mekah sangat jauh kerana perlu melalui padang pasir tandus yang panas.

Uwais sanggup membeli seekor anak lembu dan setiap hari beliau berulang-alik mendaki bukit sehingga penduduk di situ mengatakan beliau sudah gila.

Tujuan Uwais melakukan perkara tersebut adalah untuk mengumpul tenaga bagi menggondong ibunya ke Mekah.

Setelah lapan bulan berlalu dan musim haji tiba, lembu Uwais telah mencapai berat 100 kilogram dan otot Uwais juga semakin membesar dan sangat kuat menyebabkan beliau berjaya menggondong ibunya ke Mekah dengan berjalan kaki untuk mengerjakan haji.

Ibunya begitu gembira dengan kelakuan anaknya yang bersungguh-sungguh ingin menunaikan permintaannya.

Kisah Uwais itu jelas menunjukkan kepada kita betapa sayang dan cintanya beliau terhadap ibunya.

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, “Seseorang datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, ‘Wahai Rasulullah, kepada siapakah aku harus berbakti pertama sekali?’ Rasulullah menjawab, ‘Ibumu!’ Dan orang tersebut kembali bertanya, ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi?’ Beliau menjawab, ‘Ibumu.’ Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi,’ Nabi SAW menjawab, ‘Kemudian ayahmu.’” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini membuktikan kepada kita bahawa penghormatan yang wajib kita lakukan kepada ibu kita adalah tiga kali ganda berbanding ayah.

Ibu mengandungkan kita selama sembilan bulan dan mempertaruhkan nyawanya demi melahirkan kita ke dunia.

Islam juga secara jelas memberi penghormatan yang amat besar kepada setiap wanita yang bergelar ibu.



